



**KERAJAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**PERJANJIAN PEMBEKALAN MAKANAN BAGI  
RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN TAHUN**

**TEMPOH PERJANJIAN : 12 (BULAN)  
NILAI PERJANJIAN : RM**

**DIANTARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**DENGAN**

**Nombor Rujukan Perjanjian**

**RMT -**

**KERAJAAN MALAYSIA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERJANJIAN PEMBEKAL MAKANAN BERMASAK BAGI  
RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT)**

**PERJANJIAN INI** dibuat pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Perjanjian ini")

**ANTARA**

**KERAJAAN MALAYSIA** yang \_\_\_\_\_ bagi maksud perjanjian ini diwakili oleh **Sekolah ....** yang beralamat di ..... (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") bagi suatu pihak.

**DENGAN**

Syarikat/nama individu yang dinyatakan dalam **Jadual A** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Pembekal Makanan") sebagai pihak yang satu lagi.

Dalam Perjanjian ini, dimana bersesuaian, Kerajaan dan Pembekal Makanan kemudian daripada ini boleh disebut secara perseorangan sebagai "Pihak" dan secara bersama sebagai "Pihak-Pihak".

**BAHAWASANYA**

Kerajaan telah menawarkan perkhidmatan yang dinyatakan dalam Pesanan Kerajaan dalam **Lampiran A** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Perkhidmatan") dan Pembekal Makanan telah bersetuju untuk melaksanakan Perkhidmatan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.

**PIHAK-PIHAK TELAH BERSETUJU** seperti yang berikut:

## **1. TAKRIF, TAFSIRAN DAN KESELURUHAN PERJANJIAN**

### **1.1 Takrif**

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki sebaliknya dan jika digunakan dalam atau berkenaan dengan Perjanjian ini, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai makna yang diberikan seperti berikut:

**“Kerajaan”** ertinya Kerajaan Malaysia dan termasuklah—

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (c) mana-mana Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Negeri, Bahagian, Pejabat, Lembaga, Sektor, Unit, Institusi Pendidikan Guru, Pusat Kokurikulum, Pusat Matrikulasi, agensi atau sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkenaan dalam Perjanjian ini; atau
- (d) mana-mana Ketua Jabatan, Guru Besar, Pengetua, guru, pegawai atau kakitangan atau agen Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Negeri, Bahagian, Pejabat, Lembaga, Sektor, Unit, Institut Pendidikan Guru, Pusat Kokurikulum, Pusat Matrikulasi, agensi atau sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkenaan dalam Perjanjian ini dan diberi kuasa oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia;

**“Pembekal Makanan”** ertinya syarikat atau individu yang dinyatakan dalam **Jadual A** dan termasuk wakilnya yang diberi kuasa, waris, pentadbir, agen, penerima serah hak, pegawai, kakitangan, Pembekal Makanan, subkontraktor, pekhidmat dan Pekerja;

**“makanan dimasak”** ertinya apa-apa makanan, minuman, bahan makanan, bahan mentah, perasa atau ramuan yang berkenaan dengan Perkhidmatan dan termasuklah yang -

- (a) beku, basah atau kering;
- (b) dalam bentuk pepejal atau cecair;

- (c) sedang, telah atau belum diproses;
- (d) disajikan, disediakan atau dipamerkan;
- (e) sedang atau telah dimasak;
- (f) diangkut, dilindungi atau disimpan;
- (g) dilupuskan atau dibuang; atau
- (h) diuji, dimakan atau dirasai, mengikut mana yang berkenaan;

**“maklumat sulit”** ertinya segala maklumat, sama ada teknikal dan bukan teknikal yang tidak hanya terhad kepada penyiaran multimedia yang terdiri dari data, video dan suara yang dibekalkan oleh sesuatu Pihak kepada Pihak yang satu lagi bagi tujuan Perjanjian ini dan juga segala maklumat yang terbit dari situ selagi dan setakat Pembekal Makanan yang mana pengetahuan atau maklumat tersebut yang pada ketika ianya didedahkan belum menjadi urusan awam;

**“Pekerja”** ertinya mana-mana orang yang diambil bekerja secara tetap, sementara, kontrak oleh Pembekal Makanan atau bagi pihak Pembekal Makanan untuk melaksanakan Perkhidmatan di Premis dan termasuklah Pembekal Makanan;

**“peralatan atau alat kelengkapan Perkhidmatan”** ertinya apa-apa peralatan atau alat kelengkapan yang digunakan bagi maksud Perkhidmatan dan termasuklah pakaian, apron, penutup kepala, penutup mulut, sarung tangan, sudu, garpu, pinggan, cawan, gelas, piring, periuk, kualiti, senduk, dapur, peti sejuk, almari, silinder gas, penyapu, tong sampah dan pisau;

**“Premis”** ertinya tempat atau kawasan Perkhidmatan dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual D** dan termasuklah dalam bangunan, kantin, dewan makan, kafeteria, kelas, asrama, dapur, kawasan lapang, atau tempat atau kawasan yang diarahkan oleh Kerajaan untuk pelaksanaan Perkhidmatan; dan

**“Perkhidmatan”** ertinya Perkhidmatan membekalkan makanan bermasak kepada murid di Premis. Pesanan Kerajaan dalam **Lampiran A** yang dipersetujui untuk dilaksanakan oleh Pembekal Makanan dan mengikut Skop Perkhidmatan yang dinyatakan dalam Klausula 2.

## 1.2 Tafsiran

- (a) Apa-apa jadual, lampiran, apendiks, dokumen, nota atau penerangan yang dirujuk dalam Perjanjian ini dan apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi bertulis padanya hendaklah ditafsirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (b) Rujukan kepada Klausula atau Fasal hendaklah bermaksud rujukan kepada Klausula-Klausula atau Fasal-Fasal dalam Perjanjian ini;
- (c) Semua rujukan terhadap peruntukan-peruntukan dalam apa-apa Akta, Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah, Enakmen, Ordinan, undang-undang, Undang-Undang Kecil, Perintah, Arahan Keselamatan Kerajaan, Arahan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan, Arahan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain Arahan Kerajaan hendaklah termasuk peruntukan dipinda, dipotong, digantikan, diubah, dicetak semula atau digubal semula;
- (d) Pernyataan "Perjanjian", "Kontrak" atau pernyataan lain yang sama hendaklah mengandungi klausula yang terkandung dalam Perjanjian ini dan termasuk apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi dan perjanjian tambahan secara bertulis padanya;
- (e) Perkataan "termasuklah" hendaklah memberikan makna atau tafsiran apa-apa perkara lain berkenaan dengan Perjanjian atau Perkhidmatan selain dari perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu dan perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu adalah antara atau sebahagian dari contoh-contoh mengikut mana yang berkenaan;
- (f) Perkataan "Undang-Undang" ertinya mana-mana Undang-Undang bertulis semasa, akan datang dan apa-apa Perlembagaan, Dekri, Penghakiman atau Perundangan, Peraturan-Peraturan, Perintah, Kedah-Kaedah, Ordinan, Undang-Undang Kecil atau Arahan yang dipinda dari semasa ke semasa;
- (g) Semua rujukan terhadap hari, bulan atau tahun hendaklah termasuk hari dan waktu bekerja biasa Kerajaan, hari Sabtu dan Ahad dan hari kelepasan am negeri-negeri yang berkenaan melainkan dinyatakan sebaliknya atau sebagaimana yang dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan; dan
- (h) Perkataan "secara bertulis" ertinya suatu arahan suratan dalam bentuk bertulis yang diberikan, dikemukakan atau diserahkan secara rasmi antara Pihak-Pihak.

### 1.3 Keseluruhan Perjanjian

Perjanjian ini mengandungi keseluruhan persetujuan dan persefahaman di antara Pihak-Pihak dan mengatasi serta membatalkan keseluruhan mana-mana perjanjian, representasi, persetujuan, surat rundingan, persefahaman, syarat-syarat dan terma-terma terdahulu sebelum Perjanjian ini berkuatkuasa sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau secara lisan atau bertulis, di antara Pihak-Pihak terhadap atau berkaitan dengan Perkhidmatan atau perkara-perkara yang melibatkan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini.

## 2. SKOP PERKHIDMATAN

Pembekal Makanan hendaklah melaksanakan Perkhidmatan, mengikut arahan Kerajaan dari semasa ke semasa sama ada secara lisan atau bertulis mengenai Perkhidmatan mulai Tarikh Berkuatkuasa yang dinyatakan dalam subklausu 3.1 atau pada apa-apa tarikh lain yang dimaklumkan, secara lisan atau bertulis, oleh Kerajaan yang termasuklah perkara-perkara berikut:

- (a) mengikut penentuan menu yang dinyatakan dalam **Lampiran B**,
- (b) Pembekal Makanan hendaklah memastikan bahan mentah disimpan di tempat yang selamat;
- (c) peralatan atau alat kelengkapan Perkhidmatan hendaklah sentiasa bersih;
- (d) membersihkan dan mencuci peralatan atau alat kelengkapan Perkhidmatan yang digunakan oleh murid;
- (e) pembuangan sampah dan sisa makanan dibuat secara teratur dan tidak bersepah-sepah. Tong-tong sampah hendaklah daripada jenis yang sesuai dan bertutup; dan
- (f) Pembekal Makanan hendaklah memastikan stok makanan bermasak utama dan yang tahan disimpan lama hendaklah dalam kuantiti yang mencukupi untuk menampung keperluan kecemasan minimum selama tiga **(3)** hari;

### 3. TEMPOH DAN PELANJUTAN PERJANJIAN

- 3.1 Perjanjian ini adalah bagi tempoh yang dinyatakan dalam **Butiran 1 Jadual B** (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Tempoh Perjanjian") dan walau apapun dalam Perjanjian ini **hendaklah dianggap** telah mula berkuatkuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam **Butiran 2 Jadual B** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Tarikh Berkuatkuasa") hingga tarikh yang dinyatakan dalam **Butiran 3 Jadual B** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Tarikh Penamatan").

### 4. NILAI PERJANJIAN

- 4.1 Nilai keseluruhan Perjanjian ini adalah sebagaimana dalam Pesanan Kerajaan yang dinyatakan dalam **Jadual C** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Nilai Perjanjian") dan bagi maksud Perjanjian ini dan tertakluk kepada Pembekal Makanan memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah sebagai ganjaran kepada Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Pembekal Makanan, pada setiap bulan dalam Tempoh Perjanjian berkuatkuasa membuat pembayaran kepada Pembekal Makanan mengikut Klausula 5.
- 4.2 Nilai Perjanjian yang dinyatakan dalam subklausula 4.1 adalah tetap dan tiada apa-apa kenaikan atau perubahan harga Perkhidmatan boleh dibuat oleh Pembekal Makanan kecuali jika telah dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan.

### 5. PEMBAYARAN

- 5.1 Pembayaran Nilai Perjanjian dibuat dalam Ringgit Malaysia kepada Pembekal Makanan dan pembayaran Nilai Perjanjian akan diproses oleh Kerajaan selepas Kerajaan menerima daripada Pembekal Makanan inbois dan/atau dokumen lain daripada Pembekal Makanan yang lengkap diisi dengan butir-butir Perkhidmatan yang disahkan dan diperakukan oleh Kerajaan tidak lewat daripada 5 haribulan berikutnya selepas Perkhidmatan dilaksanakan atau dalam apa-apa tempoh masa yang munasabah yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan.
- 5.2 Tertakluk kepada subklausula 5.4 Kerajaan hendaklah membuat bayaran kepada Pembekal Makanan selepas empat belas (14) hari atau dalam apa-apa tempoh masa yang munasabah yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan selepas tarikh penerimaan inbois tersebut.

5.3 Pembayaran Harga Perkhidmatan oleh Kerajaan kepada Pembekal Makanan tidak mengecualikan Pembekal Makanan terhadap mana-mana terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini.

5.4 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Klausula ini, tanpa menjejaskan hak lain Kerajaan dalam Perjanjian ini, Kerajaan sentiasa berhak untuk membuat tolakan (*set-off*) meminda, mengurangkan, memotong atau mengubah pembayaran Nilai Perjanjian yang kena dibayar kepada Pembekal Makanan sekiranya Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Pembekal Makanan tidak mengikut mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara yang berikut:

- (a) pelaksanaan Perkhidmatan atau mana-mana bahagiannya oleh Pembekal Makanan didapati oleh Kerajaan tidak memuaskan atau tidak memenuhi Skop Perkhidmatan;
- (b) pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini; atau
- (c) pelanggaran apa-apa arahan lisan atau bertulis Kerajaan yang diberikan dari semasa ke semasa sama ada secara lisan atau bertulis berkenaan dengan pelaksanaan Perkhidmatan;
- (d) Jika tolakan (*set-off*), pindaan, pengurangan, pemotongan atau perubahan kepada pembayaran Nilai Perjanjian yang kena dibayar kepada Pembekal Makanan yang dinyatakan dalam subklausula 5.4 tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan berhak menuntut baki jumlah wang itu daripada Pembekal Makanan dan Pembekal Makanan hendaklah menjelaskannya pembayarannya selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari daripada tarikh tuntutan itu dikemukakan.

## **6. PEKERJA, TANGGUNGAN PERBELANJAAN DAN KOS**

6.1 Pembekal Makanan hendaklah memastikan bahawa Pekerja -

- (a) bebas dari apa-apa wabak atau penyakit berbahaya atau berjangkit;
- (b) sentiasa menjaga kebersihan Premis dan kebersihan diri;
- (c) terlatih dalam pelaksanaan Perkhidmatan;
- (d) mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa berkenaan dengan kebersihan dan pengendalian makanan oleh pihak berkuasa tempatan,

Jabatan Kesihatan dan Kementerian Kesihatan semasa melaksanakan Perkhidmatan;

- (e) dibekalkan dan memakai pakaian seragam Pembekal Makanan, apron, penutup kepala, penutup mulut, sarung tangan, tanda nama dan lain-lain kelengkapan yang diperlukan semasa melaksanakan Perkhidmatan.
- (f) tidak berambut panjang dan merokok semasa melaksanakan Perkhidmatan;
- (g) menjalani pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan dan mendapat suntikan T.Y.2 tidak melebihi tempoh satu (1) tahun dari tarikh terakhir suntikan diambil sebelum dibenarkan bertugas. Semua surat pengakuan doktor hendaklah diserahkan kepada pihak sekolah untuk rekod dan pemeriksaan;
- (h) boleh menulis, membaca dan bertutur dalam Bahasa Melayu dengan baik;
- (i) melaksanakan Perkhidmatan mengikut arahan Kerajaan pada setiap masa;
- (j) mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu dan bersesuaian terhadap Perkhidmatan; dan
- (k) melaksanakan Perkhidmatan dengan profesional, berdisiplin, sopan dan berbudi bahasa.

6.2 Pembekal Makanan hendaklah apabila diminta, memberikan kepada Kerajaan contoh makanan bermasak bagi maksud pemeriksaan, pengujian, kualiti atau pemantauan pada bila-bila masa tanpa mengenakan sebarang kos tambahan atau tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dengan pemberian contoh makanan bermasak. Contoh makanan bermasak ini hendaklah sama dengan apa yang akan disajikan untuk murid-murid.

6.3 Pembekal Makanan hendaklah membenarkan Jawatankuasa Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk merasa ataupun memakan makanan bermasak yang telah siap dimasak untuk menentukan mutu dan rasa.

6.4 Kerajaan adalah sentiasa berhak untuk menghantar contoh-contoh makanan bermasak untuk ujian dan menolak semua makanan bermasak jika tidak menepati mutu yang ditentukan dalam Perjanjian ini.

6.5 Selepas diuji atau dicerakin makanan bermasak boleh dilupuskan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Kerajaan.

6.6 Kerajaan boleh melantik pihak ketiga yang lain bagi mewakili Kerajaan melaksanakan pemeriksaan mutu Perkhidmatan sama ada secara khusus atau secara keseluruhan. Pembekal Makanan hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya bagi membolehkan wakil Kerajaan yang dilantik itu menyempurnakan tugasnya.

## 7. PERALATAN ATAU ALAT KELENGKAPAN PERKHIDMATAN

Kontraktor hendaklah memastikan peralatan atau alat kelengkapan Perkhidmatan disenggara dengan bersih, kemas, teratur atau tersusun pada setiap masa, mengikut mana yang berkenaan.

## 8. PERUBAHAN DAN MODIFIKASI

8.1 Apa-apa perubahan atau modifikasi terhadap Perkhidmatan hendaklah dibuat dengan persetujuan bertulis Kerajaan dan Pembekal Makanan hendaklah melaksanakan Perkhidmatan tanpa apa-apa kenaikan harga dan perubahan atau modifikasi itu hendaklah tidak memberikan kesan atau menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan dan termasuklah dari aspek mutu, kualiti dan tempoh.

8.2 Pertukaran menu **makanan bermasak** adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali jika ;

(a) diberitahu **dua puluh empat (24) jam** lebih awal **sebelum pertukaran menu makanan bermasak**;

(b) **dengan sebab-sebab yang munasabah**; dan

(c) dipersetujui oleh Kerajaan.

8.3 Dalam keadaan di mana makanan bermasak tidak dapat dibekalkan mengikut menu tanpa alasan munasabah dan Kerajaan terpaksa menerima bekalan tersebut atas apa-apa sebab atau alasan, Kerajaan boleh mengenakan denda seperti tersebut dalam **Klausula 10**.

8.4 Pembekal Makanan hendaklah bersedia membekalkan dan menyajikan jenis makanan bermasak yang lain jika terdapat mana-mana pelajar yang tidak boleh memakan jenis makanan bermasak dalam menu atas

**sebab-sebab kesihatan, keagamaan, kepercayaan atau sebab-sebab lain yang munasabah.**

- 8.5 Kerajaan boleh mengkaji dan jika perlu dengan persetujuan Pembekal Makanan mengubah dari masa ke semasa sajian-sajian makanan bermasak yang terkandung dalam menu.
- 8.6 Pembekal Makanan hendaklah mempamerkan menu makanan bermasak di dewan makan atau lokasi yang sesuai di Premis. Bagi premis yang tiada dewan makan, folio hendaklah disediakan.
- 8.7 Kerajaan tidak menjamin atau terikat dengan apa-apa juga anggaran bilangan murid yang akan makan seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini sepenuhnya. Bilangan sebenar adalah bergantung kepada Pesanan Kerajaan (Lampiran A) yang diberikan.

## **9. PENERIMAAN ADALAH BERSYARAT**

- 9.1 Kerajaan sentiasa berhak menolak Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya jika Perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.
- 9.2 Pembekal Makanan hendaklah mengambil balik makanan bermasak pada hari yang sama dan jika makanan bermasak tidak diambil balik dalam tempoh tersebut, Kerajaan berhak mengalih makanan bermasak tersebut.
- 9.2 Jika Perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, Pembekal Makanan hendaklah mengambil balik makanan pada hari yang sama dan jika makanan tidak diambil balik di dalam tempoh tersebut, Kerajaan berhak mengalih makanan tersebut.

## **10. HAK KERAJAAN APABILA PERKHIDMATAN YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- 10.1 Jika Perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini,

Kerajaan boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara yang berikut:

- (a) menolak Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya;
- (b) menolak Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta Pembekal Makanan menggantikan Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Kerajaan. Jika Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak digantikan dalam masa yang ditentukan, Kerajaan boleh mendapatkan Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca. dan Pembekal Makanan dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada Kerajaan;
- (c) menamatkan Perjanjian ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan Perkhidmatan;
- (d) mengenakan denda dengan jumlah **dua puluh peratus (20%)** daripada Nilai Perjanjian atau apa-apa jumlah lain tidak melebihi **dua puluh peratus (20%)** daripada Nilai Perjanjian;

$$\text{Denda} = \text{kadar denda} \times \text{Nilai Perjanjian}$$

10.2 Kerajaan berhak memotong apa-apa wang yang kena dibayar kepada Pembekal Makanan oleh Kerajaan, sama ada sebagai denda atau pampasan daripada mana-mana Perjanjian yang ditandatangani dengan Kerajaan daripada apa-apa yang kena dibayar oleh Kerajaan kepada Pembekal Makanan di bawah Perjanjian ini. Jika wang yang kena dibayar kepada Pembekal Makanan itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan boleh menuntut baki tuntutan itu daripada Pembekal Makanan dan Pembekal Makanan hendaklah membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditentukan dalam notis tuntutan. Kerajaan juga berhak menuntut jumlah baki tersebut daripada Pembekal Makanan melalui mana-mana Perjanjian yang ditandatangani dengan agensi Kerajaan, sekiranya Pembekal Makanan gagal membuat bayaran setelah dituntut.

## 11. HAK KERAJAAN MENDAPATKAN PERKHIDMATAN DARI PUNCA LAIN

11.1 Kerajaan berhak mendapatkan Perkhidmatan dari punca lain selain daripada Pembekal Makanan jika Pembekal Makanan tidak dapat melaksanakan Perkhidmatan atau apa-apa bahagian dari Perkhidmatan.

11.2 Jika Kerajaan mendapatkan Perkhidmatan dari punca lain selain daripada Kontraktor di bawah Klausula 11.1, Kerajaan boleh mengenakan kos penggantian tersebut.

## **12. PERUBAHAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

12.1 Kerajaan berhak untuk membuat perubahan dan modifikasi terhadap Perkhidmatan secara bertulis. Sekiranya tidak melibatkan implikasi kewangan Pembekal Makanan hendaklah melaksanakan Perkhidmatan sepertimana yang diarahkan Kerajaan tanpa apa-apa kenaikan harga. Perubahan dan modifikasi itu hendaklah tidak memberikan kesan atau menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan dari aspek mutu, kualiti dan tempoh.

12.2 Sekiranya Perkhidmatan tidak dapat dilaksanakan mengikut Klausula 12.1 tanpa alasan munasabah dan Kerajaan terpaksa menerima apa-apa atau sebahagian Perkhidmatan atas apa-apa sebab atau alasan, Kerajaan boleh mengenakan denda seperti yang dinyatakan dalam Klausula 10.

12.3 Bagi maksud Klausula 12.1, sekiranya perubahan dan modifikasi terhadap Perkhidmatan melibatkan implikasi kewangan, Kerajaan hendaklah mendapatkan persetujuan bertulis Kontraktor. Sekiranya dipersetujui, Kontraktor hendaklah, mulai dari tarikh yang dipersetujui, melaksanakan Perkhidmatan yang diubah tersebut.

## **13. GANTIRUGI**

13.1 Kerajaan tidak akan menanggung sebarang liabiliti termasuk dari segi undang-undang untuk apa-apa ganti rugi atau pampasan kepada sesiapa yang diupah oleh Pembekal Makanan atau sesiapa yang lain yang mengakibatkan kerosakan kepada harta benda seseorang atau kecederaan, maut atau tidak, atau kerugian yang berakibat dari mana-mana tindakan atau keingkaran Pembekal Makanan, pekerja-pekerjanya atau ejen-ejenjnya.

13.2 Pembekal Makanan hendaklah menanggung ganti rugi kepada Kerajaan berkaitan dengan tuntutan-tuntutan terhadap Kerajaan bagi kecederaan atau kerugian yang dihadapi oleh orang perseorangan tersebut dan

kerusakan kepada harta benda termasuk harta benda Kerajaan, yang mungkin timbul akibat dari kecuaiannya, peninggalan atau keingkaran Kontraktor, pekerjanya, ejen-ejenya atau sub kontraktor yang diberi kuasa atau sebarang keadaan yang di bawah kawalannya.

#### **14. TANGGUNGJAWAB AM PIHAK-PIHAK**

14.1 Pembekal Makanan hendaklah secara am bertanggungjawab seperti yang berikut:

- (a) pada setiap masa, melaksanakan Perkhidmatan dengan teratur, sempurna dan profesional berdasarkan amalan pengurusan yang baik bagi menjaga kepentingan Kerajaan supaya tidak terjejas;
- (b) pada setiap masa dalam melaksanakan Perkhidmatan dengan mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan dan melindungi kepentingan Kerajaan tidak terjejas;
- (c) mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan Perkhidmatan memenuhi kehendak Perjanjian ini; dan
- (d) memaklumkan kepada Kerajaan secara bertulis dengan serta merta apabila berlaku apa-apa faktor atau kejadian, yang boleh memberikan kesan terhadap Perkhidmatan dan makluman tersebut hendaklah tidak ditafsirkan sebagai pengecualian tanggungjawab Pembekal Makanan dalam Perjanjian ini.

14.2 Kerajaan hendaklah, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, secara am bertanggungjawab dalam perkara berikut :

- (a) merujuk dan memaklumkan kepada Pembekal Makanan sekiranya terdapat apa-apa perubahan terhadap perkara-perkara yang boleh menjejaskan Perjanjian ini;
- (b) memastikan apa-apa bilangan pegawai Kerajaan menyelaraskan Perkhidmatan dengan Pembekal Makanan;
- (c) tertakluk kepada arahan-arahan keselamatan dan pentadbiran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa,
- (d) melaksanakan pembayaran yang patut dibayar dalam Perjanjian ini.

## **15. PENAMATAN**

Tanpa menjejaskan hak-hak lain Kerajaan dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh dengan memberi notis bertulis kepada Pembekal Makanan dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan Perjanjian ini :

- (a) jika Pembekal Makanan melakukan pelanggaran terhadap mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini;
- (b) jika Pembekal Makanan itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Pembekal Makanan itu adalah suatu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika Pembekal Makanan itu adalah Pembekal Makanan, meluluskan suatu perintah bahawa Pembekal Makanan itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurus bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan; atau
- (c) jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Pembekal Makanan atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi Pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Pembekal Makanan) melakukan perbuatan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi daripada Pembekal Makanan.

## **16. PENAMATAN ATAS SEBAB KEPENTINGAN NASIONAL**

- 16.1 Walau apapun dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan, tidak kurang dari tiga puluh (30) hari, suatu notis bertulis kepada Pembekal Makanan, tanpa apa-apa tanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab, jika Kerajaan berpendapat bahawa penamatan tersebut adalah perlu untuk Kepentingan Nasional, Kepentingan Keselamatan Nasional atau bagi maksud Polisi Kerajaan atau Polisi Awam.
- 16.2 Bagi maksud Klausula ini, apa yang merupakan "Kepentingan Nasional", "Kepentingan Keselamatan Nasional", "Polisi Kerajaan" dan "Polisi Awam" hendaklah dibuat dan ditentukan oleh Kerajaan dan penentuan tersebut bagi semua maksud adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

- 16.3 Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausa ini, Pembekal Makanan berhak mendapat pembayaran Perkhidmatan setakat Tarikh Akhir Perkhidmatan yang telah dilaksanakan atau apa-apa jumlah pembayaran yang munasabah yang ditentukan oleh Kerajaan.

## **17. HAK PIHAK-PIHAK APABILA PERJANJIAN DITAMATKAN**

Apa-apa penamatan yang dinyatakan dalam Perjanjian ini hendaklah tidak memberikan kesan kepada apa-apa hak Pihak-Pihak yang terakru sebelum tarikh penamatan Perjanjian ini dan tanggungjawab Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini hendaklah terus bersambung walaupun selepas penamatan Perjanjian bagi maksud apa-apa tindakan, pertikaian, rujukan, pembayaran, tuntutan atau perkara sebelum penamatan Perjanjian ini.

## **18. JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

- 18.1 Apa-apa pertikaian atau tuntutan antara Pihak-Pihak yang berbangkit dari apa-apa perkara di bawah Perjanjian ini, melainkan berkaitan dengan Kerajaan menjalankan hak budi bicaranya, hendak diselesaikan secara aman atau baik antara Pihak-Pihak dan jika pertikaian atau tuntutan tersebut tidak dapat diselesaikan secara aman atau baik ia boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang ditubuhkan oleh Kerajaan (kemudian daripada ini disebut "Jawatankuasa") yang terdiri daripada—

- (a) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia atau mana-mana Pegawai yang dilantik olehnya sebagai Pengerusi;
- (b) seorang (1) wakil yang dilantik oleh Kerajaan sebagai ahli; dan
- (c) seorang (1) wakil yang dilantik oleh Pembekal Makanan sebagai ahli.

- 18.2 Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang bebas untuk memberikan pandangan, kepakaran atau nasihat berkenaan dengan perkara yang dipertikaikan itu dan apa-apa kos yang berbangkit darinya hendaklah ditanggung oleh Kerajaan dan Pembekal Makanan secara sama rata.

- 18.3 Jawatankuasa itu hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri dan mengadakan perbincangan dengan tujuan mencapai suatu keputusan sepakat berhubung dengan pertikaian itu.
- 18.4 Jika perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut tidak dapat diselesaikan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh ia dibincangkan oleh Jawatankuasa, maka mana-mana Pihak dengan persetujuan Pihak yang satu lagi boleh merujuk perkara tersebut ke timbang tara menurut Klausu 21. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa adalah muktamad dan mengikat ke atas Pihak-Pihak.
- 18.5 Rujukan sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada Jawatankuasa di bawah Klausu ini tidak menyebabkan apa-apa obligasi Pihak-Pihak selain daripada perkara yang dipertikaikan itu tertanggung dan hendaklah diteruskan sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian ini.
- 18.6 Apa-apa kos berkenaan dengan rujukan kepada Jawatankuasa di bawah Klausu ini hendaklah ditanggung secara bersama oleh Pihak-Pihak.

## **19. IKLAN**

Tiada iklan mengenai Perjanjian ini akan disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang lain melainkan jika pengiklanan itu dipersetujui dan diluluskan oleh Kerajaan secara bertulis.

## **20. KONTRAK KECIL**

Pembekal Makanan tidak boleh memajakkan apa-apa bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa Kontrak kecil bagi melaksanakan Perjanjian ini dan apa-apa bahagiannya tanpa tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis Kerajaan.

## **21. PEMBERIAN MILIK**

Kontraktor tidak boleh menyerah hak atau memindah milik Perjanjian ini secara keseluruhan atau sebahagiannya kepada pihak ketiga tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan.

## 22. REPRESENTASI DAN WARANTI

Pembekal Makanan memberikan representasi dan waranti kepada Kerajaan bawaha:

- (a) ia adalah sebuah Pembekal Makanan yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia;
- (b) ia mempunyai kuasa korporat untuk memasuki dan melaksanakan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini;
- (c) ia telah mengambil segala tindakan-tindakan korporat yang perlu untuk memasuki dan melaksanakan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini;
- (d) pada Tarikh Berkuatkuasa Perjanjian ini ;
  - (i) jika Kontraktor adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], pelaksanaan atau perjalanan Perjanjian ini tidak menyalahi atau melanggar dalam apa jua cara sekalipun peruntukan atau apa-apa perkara berkenaan dengan Memorandum dan Artikel Pertubuhannya atau apa-apa dokumen atau Perjanjian yang mengikatnya atau asetnya; atau
  - (ii) jika Kontraktor adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*]), pelaksanaan atau perjalanan Perjanjian ini tidak menyalahi atau melanggar dalam apa jua cara sekalipun apa-apa dokumen atau Perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
- (e) ia tidak tertakluk kepada apa-apa litigasi perundangan pada waktu semasa atau waktu yang tertangguh, atau pada pengetahuannya boleh menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini;
- (f) ia tidak litigasi, timbang tara, tuntutan cukai, pertikaian atau posiding pentadbiran pada masa ini, atau yang belum selesai, atau dalam pengetahuan Pembekal Makanan, yang menjejaskan, mempunyai kesan yang merosakkan terhadap Pembekal Makanan atau terhadap keupayaannya melaksanakan tanggungjawab kewangan atau tanggungjawab lain dalam Perjanjian ini;
- (g) Perjanjian ini merupakan tanggungjawab yang sah dari segi perundangan dan mengikat Pembekal Makanan dan berkuatkuasa mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini; dan
- (h) ia mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan teknikal untuk melaksanakan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini.

## 23. FORCE MAJEURE

23.1 Pihak-Pihak tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkinan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini sekiranya Pihak-Pihak tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya akibat daripada berlakunya kejadian Force Majeure. Kejadian Force Majeure hendaklah bermaksud:

- (a) peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
- (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir dan kebakaran bawah tanah yang spontan, tsunami, atau apa-apa bencana alam;
- (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (e) tekanan ombak yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa apapun peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (g) sebab-sebab atau bahaya yang lain yang di luar kawalan manamana Pihak.

23.2 Jika berlaku sesuatu kejadian Force Majeure yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat kejadian Force Majeure, Pihak tersebut hendaklah serta-merta memaklumkan kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan mengemukakan laporan terperinci mengenai kejadian Force Majeure tersebut dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.

23.3 Pihak-Pihak tidak berhak untuk bersandarkan kepada Peruntukan-Peruntukan dalam Klausula ini melainkan sekiranya Pihak-Pihak telah berpuas hati bahawa kejadian Force Majeure benar-benar berlaku.

23.4 Jika Pihak-Pihak merasakan bahawa kejadian Force Majeure yang berlaku itu pada tahap yang sebegitu teruk atau telah berterusan untuk suatu tempoh yang sebenarnya menggagalkan niat asal Perjanjian ini bolehlah ditamatkan atas persetujuan bersama.

23.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan akibat kejadian Force Majeure di bawah Klausula ini di atas, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak hendaklah terhenti dan Pihak-Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggungjawab terhadap satu sama lain berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian Force Majeure tersebut.

23.6 Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian Force Majeure dan obligasi-obligasi berkenaan hendaklah, sementara menunggu pelaksanaan Klausula ini, terus berkuatkuasa.

## **24. DUTI SETEM**

Apa-apa duti setem dan kos penyediaan Perjanjian ini yang harus dibayar hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pembekal Makanan.

## **25. INDEMNITI**

Kerajaan tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk apa-apa gantirugi atau pampasan kepada sesiapa yang berada dalam penggajian Pembekal Makanan atau sesiapa yang lain mengakibatkan kerosakan kepada hartabenda seseorang atau kecederaan, maut atau tidak, atau kerugian yang dihadapi oleh orang sedemikian melainkan kerosakan, kecederaan atau kerugian itu berakibat dari mana-mana tindakan atau keingkaran Kerajaan, ejen, pekhidmat atau pekerjaannya yang mana Kerajaan akan ditafsirkan bertanggungjawab dari segi undang-undang.

Pembekal Makanan hendaklah mengindemniti Kerajaan berkaitan dengan tuntutan-tuntutan terhadap Kerajaan bagi kecederaan atau kerugian yang dihadapi oleh orang tersebut dan kerosakan kepada hartabenda termasuk hartabenda Kerajaan, yang mungkin timbul akibat dari kecuaiian, peninggalan atau keingkaran Pembekal Makanan, ejen, pekhidmat atau pekerjaannya atau pihak lain yang diberi kuasa atau sebarang keadaan yang di bawah kawalannya.

## **26. PENAFIAN**

26.1 Kegagalan Kerajaan dan/atau Pembekal Makanan menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penafian hak, melainkan ianya telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu.

26.2 Sebarang penafian hak hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk dan dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya yang diberi kuasa dengan sewajarnya.

## **27. PEMBERIAN TIDAK JUJUR DAN PEMBAYARAN KOMISYEN**

27.1 Pembekal Makanan adalah dilarang dari membuat tawaran, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana pegawai Kerajaan, apa-apa bentuk, balasan atau hadiah sebagai dorongan untuk atau kerana melakukan atau bersetuju untuk melakukan apa-apa perbuatan yang berkait rapat dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan Kerajaan Malaysia.

27.2 Jika didapati berlakunya pelanggaran subklausu 27.1 oleh Pembekal Makanan, wakilnya yang diberi kuasa, waris, pentadbir, agen, penerima serah hak, pegawai, kakitangan, pekhidmat dan pekerja, sama ada dengan atau di luar pengetahuan Pembekal Makanan, berhubung dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan Kerajaan sehingga terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Kerajaan sentiasa mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan apa-apa gantirugi dari Pembekal Makanan yang timbul akibat penamatan Perjanjian ini.

## **28. NOTIS**

28.1 Semua surat-menyurat atau notis mengenai Perjanjian ini hendaklah dikemukakan secara serahan, tangan, pos Akuan Terima Berdaftar (*Acknowledge Receipt Registered Post (A.R Registered Post)*) atau faksimili di alamat seperti di bawah ini dan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh ia diterima oleh Pihak-Pihak:

(a) Kerajaan:

Alamat Sekolah: .....  
.....  
(u.p:Guru Besar)

(b) Pembekal Makanan:

Alamat: .....  
.....

(seperti yang dinyatakan dalam **Jadual A**)

28.2 Sekiranya berlaku pertukaran alamat seperti yang dinyatakan di subklausu 28.1, maka Pihak yang berkenaan hendaklah memberitahu dengan bertulis kepada Pihak yang lagi satu alamat barunya.

## **29. UNDANG-UNDANG**

29.1 Perjanjian ini hendaklah mengikut dan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia

29.2 Kontraktor hendaklah menghormati dan mematuhi semua undang-undang yang terpakai di Malaysia dan menggunakan segala usaha yang munasabah untuk memastikan termasuk pekerja juga berbuat demikian dalam pelaksanaan Perkhidmatan.

29.3 Kontraktor hendaklah mematuhi arahan, polisi, perintah, prosedur dan peraturan Kerajaan yang berkaitan pada setiap masa dalam melaksanakan kewajipannya.

## **30. PINDAAN PERJANJIAN**

Apa-apa perkara dalam Perjanjian ini boleh dipinda dan sebarang perubahan, modifikasi, penambahan, pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui secara bertulis Pihak-Pihak dan boleh dilakukan dari semasa ke semasa selepas Perjanjian ini ditandatangani melalui Perjanjian Tambahan yang secara khusus merujuk kepada Perjanjian ini yang ditandatangani oleh Pihak-Pihak dan Perjanjian Tambahan itu hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian dari Perjanjian ini.

### **31. KETIDAKSELARASAN PERUNTUKAN PERJANJIAN**

Sekiranya terdapat mana-mana terma-terma dan syarat-syarat atau peruntukan dalam Perjanjian ini yang terbatal, tidak boleh dikuatkuasakan, atau tidak sah, tidak berkenaan, tidak berkaitan atau tidak selaras, mengikut mana yang berkenaan, dengan—

- (a) mana-mana undang-undang; dan/atau
- (b) mana-mana terma-terma dan syarat-syarat atau peruntukan lain dalam Perjanjian ini;
- (c) apa-apa perkara berkenaan dengan Perkhidmatan; atau
- (d) terma-terma dan syarat-syarat atau peruntukan dalam Surat Setuju Terima,

Terma-terma dan syarat-syarat atau peruntukan lain dalam Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa dan tidak terjejas dengan peruntukan yang yang terbatal, tidak boleh dikuatkuasakan, atau tidak sah, tidak berkenaan, tidak berkaitan atau tidak selaras tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

### **32. KERAHSIAAN**

Kecuali dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pihak yang mempunyai maklumat ataupun disebabkan oleh keperluan undang-undang, tiada Pihak pada bila-bila masa sekalipun dibenarkan memberitahu, mendedahkan atau berkomunikasi dengan apa cara juga, kepada orang lain apa-apa maklumat sulit yang diperolehi atau didedahkan di bawah Perjanjian ini.

### **33. MENGIKAT PENGGANTI**

Perjanjian ini adalah mengikat ke atas pengganti, wasi, pentadbir, wakil dan pemegang serah hak Pihak-Pihak.

### **34. MAKLUMAT SULIT DAN HARTA INTELEKTUAL**

34.1 Pihak-Pihak hendaklah sepanjang Tempoh Perjanjian ini dan selepas Tarikh Penamatan Perjanjian ini untuk melakukan perkara-perkara berikut:

- (a) tidak akan menggunakan sebarang maklumat, data dan operasi yang sulit selain daripada untuk tujuan Perjanjian ini; dan

- (b) tidak akan mendedahkan atau menghebahkan atau memberitahu kepada pihak ketiga atau mana-mana kakitangan yang tidak terlibat dengan sebarang pelaksanaan berkaitan maklumat sulit, kecuali dengan pihak terlibat terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis, dan dalam keadaan demikian, Pihak-Pihak terlibat perlu memastikan pihak ketiga atau kakitangan mereka bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Klausu ini.

34.2 Pihak-Pihak hendaklah memelihara dan memastikan wakilnya yang diberi kuasa, waris, pentadbir, agen, penerima serah hak, pegawai, kakitangan, kontraktor, subkontraktor, pekhidmat dan Pekerja, mengikut mana yang berkenaan, juga merahsiakan segala maklumat sulit.

34.3 Tanggungjawab yang disebutkan dalam Klausu ini hendaklah terus kekal dan berkuat kuasa tanpa mengira penamatan Perjanjian ini.

34.4 Pembekal Makanan bersetuju bahawa semua hak harta intelektual yang timbul daripada Perkhidmatan hendaklah terletak hak kepada Kerajaan dan Pembekal Makanan hanya diberi hak untuk melaksanakan Perkhidmatan sahaja.

### **35. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG**

Pembekal Makanan hendaklah mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa dan arahan, perintah dan kehendak yang diberikan kepada Pembekal Makanan oleh pihak berkuasa yang layak berkenaan dengan undang-undang itu.

### **36. MASA**

Masa hendaklah menjadi intipati kepada Perjanjian ini.

**PADA MENYAKSIKAN**, perkara-perkara yang tersebut di atas Pihak-Pihak sebagai wakil-wakil yang sah dan diberikuasa kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri masing-masing pada tarikh mula-mula yang tertulis di atas

**UNTUK DAN BAGI PIHAK KERAJAAN MALAYSIA:**

Nama :

Jawatan :

.....  
( Tandatangan )

No. Kad Pengenalan :

**SAKSI:**

Nama :

Jawatan :

.....  
(Tandatangan )

No. Kad Pengenalan :

**UNTUK DAN BAGI PIHAK PEMBEKAL MAKANAN:**

Nama :

Jawatan :

.....  
( Tandatangan )

No. Kad Pengenalan :

**SAKSI:**

Nama :

Jawatan :

.....  
(Tandatangan )

No. Kad Pengenalan :

## Jadual A

### BUTIRAN SYARIKAT/ PEMBEKAL MAKANAN

Nama Syarikat/ Pembekal Makanan	
No. Pendaftaran SSM Syarikat	
Penubuhan Syarikat (di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] atau di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197])	
Alamat pendaftaran Syarikat/ alamat Pembekal Makanan	
Alamat perniagaan Syarikat jika berbeza dari alamat pendaftaran	
No. Telefon	
No. Faks	
Alamat email	
Nama pegawai atau pekhidmat Syarikat berkenaan dengan Perjanjian ini/ nama Pembekal Makanan	

**Nota: Nyatakan dengan perkataan ”-TIDAK BERKENAAN-” atau ”-TIADA-” jika maklumat dalam ruangan dalam Jadual A adalah tidak berkenaan atau tiada.**

**Jadual B**

**[subklausu 3.1]**

**TEMPOH PERJANJIAN, TARIKH BERKUATKUASA DAN TARIKH PENAMATAN**

<b><i>Butiran</i></b>	<b><i>Perkara</i></b>	<b><i>Tempoh / Tarikh</i></b>
1.	Tempoh Perjanjian ( <b>jumlah dalam bulan</b> )	
2.	Tarikh Berkuatkuasa	
3.	Tarikh Penamatan	

**Jadual C**

**[subklausu 4.1 ]**

**NILAI PERJANJIAN**

Nilai Perjanjian (dalam perkataan)	<b>RINGGIT MALAYSIA</b>
Nilai Perjanjian (dalam angka)	<b>RM</b>

***Nota : perkataan "Sahaja" hendaklah dimasukkan diakhir perkataan atau angka.***

**Jadual D**  
[Klausua 2]

**PREMIS**

Nama Premis	
Alamat Premis	

### Lampiran-Lampiran Perjanjian

Lampiran	Perkara
Lampiran A	Pesanan Kerajaan
Lampiran B	Sukat Makanan Dan Menu

***Nota: Lampiran-Lampiran Perjanjian di atas hendaklah dimasukkan mengikut turutan abjad selepas helaian ini dan hendaklah diasingkan***

**PERJANJIAN RMT**

---

**BORANG PESANAN**

**NO: \_\_\_\_\_**

**BEKALAN MAKANAN RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN SEKOLAH**

Tarikh pesanan dibuat : \_\_\_\_\_

Bil. murid yang makan : \_\_\_\_\_

Hari pelaksanaan : \_\_\_\_\_

Tarikh pelaksanaan : \_\_\_\_\_

Pesanan dibuat oleh

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ ( T / tangan & Cap)

Disahkan oleh

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ ( T / tangan & Cap)

Borang pesanan diterima oleh pembekal makanan

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ ( T / tangan & Cap)

Tarikh : \_\_\_\_\_

(Sila kepilkan salinan asal borang ini apabila membuat tuntutan bayaran)

## 20 PILIHAN MENU RMT

## Menu No.1: Nasi Ayam

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Nasi (berperisa ayam)</b>	1 cawan (100 gram)	111
<b>Ayam kukus</b>	50 gram	130
<b>Kuah sup</b>	150 ml	
• <b>Lobak merah</b>	10 gram	3
• <b>Daun bawang</b>	5 gram	2
• <b>Minyak</b>	2 sudu teh (10 gram)	90
<b>Sos cili</b>	2 sudu teh (10 gram)	11
<b>Kicap cair</b>	1 sudu makan (15 gram)	12
<b>Buah betik</b>	1 potong sederhana (100 gram)	35
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>394</b>

## Menu No.2: Nasi Lemak

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Nasi lemak</b>	1 cawan (100 gram)	150
<b>Telur rebus</b>	1/ 2 biji (25 gram)	39
<b>Timun</b>	20 gram	3
<b>Sambal tumis</b>	2 sudu makan (15 gram)	100
<b>Buah pisang berangan</b>	1 biji (77 gram)	80
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>372</b>

## Menu No.3: Bubur Nasi

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Bubur nasi</b>	1 mangkuk sederhana (166 gram)	65
<b>Isi ayam</b>	50 gram	75
<b>Lobak merah</b>	10 gram	3
<b>Daun bawang</b>	5 gram	2
<b>Ikan bilis goreng</b>	1 sudu makan (15 gram)	125
<b>Buah pisang berangan</b>	1 biji (77 gram)	80
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>350</b>

**Menu No.4: Mi Goreng**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Mi kuning</b>	100 gram	165
<b>Sawi</b>	15 gram	4
<b>Isi Ayam</b>	50 gram	75
<b>Minyak</b>	1 sudu makan (11 gram)	95
<b>Buah oren</b>	½ biji (80 gram)	36
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>375</b>

**Menu No.5: Bihun Goreng Putih**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Bihun</b>	80 gram	138
<b>Isi ayam</b>	50 gram	75
<b>Kubis</b>	30 gram	7
<b>Lobak merah</b>	10 gram	3
<b>Minyak</b>	1 sudu makan (11 gram)	95
<b>Buah betik</b>	1 potong sederhana (100 gram)	35
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>353</b>

**Menu No.6: Soto**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Bihun/ Nasi himpit</b>	Bihun - 50 gram <b>ATAU</b> Nasi himpit – 12 ketul (80 gram)	174 <b>ATAU</b> 128
<b>Sup ayam</b>	1 cawan	
• <b>Ayam</b>	50 gram	75
• <b>Daun sup</b>	3 gram	1
• <b>Kubis</b>	30 gram	7
• <b>Minyak</b>	2 sudu teh (10 ml)	90
<b>Buah oren</b>	½ biji (80 gram)	36
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>387 / 337</b>

**Menu No.7: Nasi Paprik**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Nasi putih</b>	1 cawan (100 gram)	130
<b>Isi ayam</b>	50 gram	75
<b>Lobak merah</b>	10 gram	3
<b>Kacang panjang/ buncis</b>	10 gram	4
<b>Minyak</b>	2 sudu teh (10 gram)	90
<b>Buah pisang berangan</b>	1 biji (77 gram)	80
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>382</b>

**Menu No.8: Nasi Goreng Cina**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Nasi</b>	1 cawan (100 gram)	130
<b>Isi ayam</b>	50 gram	75
<b>Telur</b>	1/ 2 biji (25 gram)	39
<b>Sayur</b>		
• <b>Lobak merah</b>	10 gram	3
• <b>Kubis</b>	30 gram	7
• <b>Kacang panjang</b>	10 gram	4
<b>Minyak</b>	2 sudu teh (10 gram)	90
<b>Buah epal merah</b>	1 biji (80 gram)	45
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>393</b>

**Menu No.9: Bihun Sup**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Bihun</b>	50 gram	174
<b>Isi ayam</b>	30 gram	45
<b>Lobak merah</b>	10 gram	3
<b>Sawi</b>	15 gram	4
<b>Kuah sup</b>	200 ml	
• <b>Daun sup</b>	3 gram	1
• <b>Minyak</b>	2 sudu teh (10 gram)	90
<b>Buah epal merah</b>	1 biji (80 gram)	45
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>362</b>

**Menu No. 10: Makaroni Sup**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Makaroni</b>	50 gram	176
<b>Sup ayam</b>	1 cawan	
• <b>Isi ayam (dicarik)</b>	50 gram	75
• <b>Daun sup</b>	3 gram	1
• <b>Lobak merah</b>	10 gram	3
• <b>Sayur sawi</b>	15 gram	4
• <b>Minyak</b>	2 sudu teh (10 gram)	90
<b>Buah pisang berangan/ rastali</b>	1 biji (77 gram)	80
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>429</b>

**Menu No.11: Roti Canai**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Roti canai</b>	1 keping (84 gram)	266
<b>Kuah dal (parpu)</b>	½ cawan (80 gram)	118
• <b>Kacang dal</b>	5 gram	
• <b>Ubi kentang</b>	5 gram	
• <b>Terung</b>	5 gram	
• <b>Lobak merah</b>	5 gram	
<b>Buah tembikai</b>	1 potong sederhana (100 gram)	28
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>412</b>

**Menu No.12: Roti + Telur hancur + Kacang Panggang**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Roti putih</b>	2 keping roti (58 gram)	146
<b>Marjerin</b>	1 sudu teh (66 gram)	44
<b>Telur (<i>scrambled</i>)</b>	1 biji (50 gram)	78
<b>Minyak</b>	1 sudu teh (5 gram)	45
<b>Timun</b>	2 hiris (10 gram)	2
<b>Kacang panggang (<i>baked beans</i>)</b>	½ cawan (40 gram)	42
<b>Buah betik</b>	1 potong sederhana (100 gram)	35
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>392</b>

**Menu No. 13: Ayam Panggang dan Kentang**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Ayam panggang</b>	60 gram	135
<b>Kentang bakar</b>	½ cawan (30 gram)	91
<b>Tomato</b>	½ biji dihiris (22.5 gram)	5
<b>Salad</b>	2 helai (27 gram)	5
<b>Timun</b>	2 hiris (10 gram)	2
<b>Sos</b>	1 sudu makan (20 gram)	22
<b>Buah pisang berangan/ rastali</b>	1 biji (77 gram)	80
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>340</b>

**Menu No. 14: Bijirin Sarapan Pagi**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Bijirin</b>		
• <b>Emping jagung</b>	50 gram	180
ATAU		
• <b>Koko krunch</b>	50 gram	193
• <b>Kismis (ditabur)</b>	1 sudu makan (25 gram)	74
<b>Susu segar</b>	100 ml	73
<b>Buah oren</b>	½ biji (80 gram)	36
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>363 (emping jagung)/ 376 (koko krunch)</b>

**Menu No. 15: Kuih muih**

Bahan	Sukatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Kuih</b>		
• <b>Pau kacang merah</b>	1 biji (50 gram)	139
ATAU		
• <b>Vadai (kacang dal kuning)</b>	1 biji (40 gram)	130
• <b>ATAU</b>		
• <b>Idli</b>	1 biji (40 gram)	128
<b>DAN</b>		
• <b>Karipap kentang</b>		
<b>Buah pisang berangan/rastali</b>	1 biji (77 gram)	80
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>347 (pau kacang+karipap kentang)/</b>

**338 (vadai+karipap kentang)**

**Menu No.16:** Nasi + Kari Ayam/ kari ikan tenggiri

Bahan	Sukat	Kilokalori (Kkal)
Nasi putih	1 cawan (100 gram)	130
<b>Kari ayam/ikan tenggiri</b>		
• Ayam/ikan tenggiri	50 gram	75
• Kentang	20 gram	17
• Santan	1 sudu makan (15 gram)	36
• Minyak	1 sudu teh (5 gram)	45
Timun	2 hiris (10 gram)	2
Buah betik	1 potong sederhana (100 gram)	35
Minuman: Air Kosong	1 gelas (150 ml)	0
Jumlah Kalori		<b>340</b>

**Menu No.17:** Nasi Goreng Kampung

Bahan	Sukat	Kilokalori (Kkal)
Nasi	1 cawan (100 gram)	130
Ikan bilis goreng	1 sudu makan (15 gram)	125
Telur	½ biji (25 gram)	39
Kubis	30 gram	7
Minyak	2 sudu teh (10 gram)	90
Buah tembikai	1 potong sederhana (100 gram)	28
Minuman: Air Kosong	1 gelas (150 ml)	0
Jumlah Kalori		<b>419</b>

**Menu No.18:** Bubur Kacang + Roti Putih

Bahan	Sukat	Kilokalori (Kkal)
<b>Bubur kacang</b>		
• Kacang hijau	1/3 cawan (43 gram)	141
• Santan	¼ cawan (50 gram)	120
• Gula Melaka	1 sudu teh (5 gram)	19
Roti putih	2 keping (58 gram)	146
Buah tembikai	1 potong sederhana (100 gram)	28
Minuman: Air Kosong	1 gelas (150 ml)	0
Jumlah Kalori		<b>454</b>

**Menu No.19:** Roti Putih + Sup Ayam/ sup ikan tenggiri

Bahan	Sukatatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Roti putih</b>	4 keping (116 gram)	292
<b>Sup ayam/ ikan tenggiri</b>		
• <b>Isi ayam/ ikan tenggiri</b>	50 gram	75
• <b>Kentang</b>	20 gram	18
• <b>Lobak merah</b>	10 gram	3
• <b>Daun sup/ daun bawang</b>	5 gram	2
<b>Buah epal merah</b>	1 biji (80 gram)	45
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>435</b>

**Menu No.20:** Bun + Kari Ayam/ kari ikan tenggiri

Bahan	Sukatatan	Kilokalori (Kkal)
<b>Bun kosong</b>	2 biji (70 gram)	200
<b>Kari ayam/ kari ikan tenggiri</b>		
• <b>Ayam/ ikan tenggiri</b>	50 gram	75
• <b>Kentang</b>	20 gram	17
• <b>Santan</b>	1 sudu makan (15 gram)	36
• <b>Minyak</b>	1 sudu teh (5 gram)	45
<b>Buah jambu batu/ limau manis</b>	¼ biji sederhana (75 gram)	35
<b>Minuman: Air Kosong</b>	1 gelas (150 ml)	0
<b>Jumlah Kalori</b>		<b>408</b>

## Rujukan:

1. Atlas Makanan: Saiz Pertukaran & Porsi Edisi Ketiga. 2015. Suzana Shahr, Nik Shanita Safii, Zahara Abdul Manaf & Hasnah Haron. MDC Publishers Sdn. Bhd.
2. Album Makanan Malaysia. 2011. Institut Kesihatan Malaysia Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Komposisi Zat dalam Makanan Malaysia. 1997. Tee E Siong, Mohd. Ismail Noor, Mohd Nasir Azudin & Khatijah Idris.

